

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 APRIL 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Negara ASEAN bakal tubuh CERT hadapi ancaman siber	Berita Harian
2	CERT tangani ancaman siber serantau	Utusan Malaysia
3	Usahawan hijau – Bengkel YIM ideation cungkil kreativiti pelajar	Berita Harian
4	Naik taraf radar dan satelit negara	Utusan Malaysia
5	Catuan dilanjutkan lagi?	Sinar Harian
6	Empangan terima kurang hujan	Sinar Harian
7	Emergency law an option if water still critical	The Malay Mail
8	Undang-undang darurat boleh dikuatkuasakan jika bekalan air masih di tahap bahaya	Bername.com
9	More cloud seeding ops this week	News Straits Times

Negara ASEAN bakal tubuh CERT hadapi ancaman siber

Kuala Lumpur: Negara rantau ASEAN bakal bekerjasama menubuhkan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) bagi menghadapi ancaman siber yang semakin serius.

Pengerusi CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity), Tan Sri Mohd Azumi Mohamed Said, berkata perbincangan mengenai penubuhan CERT peringkat ASEAN diadakan pada forum serantau yang lalu dan ia kini di peringkat pelaksanaan.

"CERT bertujuan mempertingkatkan kerjasama antara negara dari segi pertukaran maklumat, tindak balas dan peningkatan keupayaan yang diadakan melalui latihan serta bengkel dalam menghadapi ancaman siber.



“CERT bertujuan mempertingkatkan kerjasama antara negara dari segi pertukaran maklumat, tindak balas dan peningkatan keupayaan yang diadakan melalui latihan dalam menghadapi ancaman siber”

Mohd Azumi Mohamed Said,
Pengerusi CyberSecurity Malaysia

“Jika dilihat Kesatuan Eropah (EU) yang membabitkan 28 negara sudah memiliki pasukan CERT sendiri, manakala Afrika dan Asia Pasifik juga sudah ada,” katanya di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Keselamatan Siber sempena Pameran dan Persidangan Pertahanan Asia (DSA) 2014.

Ancaman siber kini serius

Azumi berkata, dalam menuju penubuhan Komuniti ASEAN dan sebagai tindak balas menghadapi cabaran siber, penubuhan CERT penting sebagai persediaan masa hadapan.

“Jepun yang berhadapan serangan siber ke atas 19 laman web pada 2012 menca-

dangkan agar diadakan satu kerjasama dengan ASEAN membabitkan perkongsian maklumat, teknologi dan tindak balas bersama.

“Amerika Syarikat juga berpandangan ancaman siber kini lebih serius dari cabaran ekonomi dan keselamatan. Britain sendiri berpandangan ancaman siber adalah satu bentuk serangan pengganas,” katanya.

Azumi berkata, Malaysia mengambil berat aspek ancaman siber dan mewujudkan Dasar Siber Kebangsaan bagi menjamin ruang siber negara sentiasa selamat.

Katanya, Malaysia sudah memiliki MyCERT tersendiri selain menganggotai Jawatankuasa Pemandu Asia Pasifik CERT selain menjadi penasihat CERT kepada negara Islam.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 17 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**CERT tangani
ancaman siber
serantau**

KUALA LUMPUR 16 April - ASEAN bakal menubuhkan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) bagi menghadapi ancaman siber yang semakin meningkat dalam kalangan negara-negara anggotanya.

Pengerusi

CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity), Tan

Sri Mohd. Azumi

Mohamed Said berkata, perbincangan mengenai penubuhan CERT peringkat ASEAN itu telah dilakukan pada forum serantau dan kini di peringkat pelaksanaan.

“CERT bertujuan mempertingkatkan lagi kerjasama antara satu sama lain dari segi maklumat, tindak balas dan peningkatan keupayaan yang diadakan melalui latihan dan bengkel dalam menghadapi ancaman siber.

“Kalau kita lihat Kesatuan Eropah (EU) yang melibatkan 28 buah negara telah mempunyai CERT tersendiri, Afrika dan Asia Pasifik juga ada CERT,” katanya di sini hari ini.

Mohd. Azumi ditemui selepas menyampaikan ucapan Persidangan Keselamatan Siber sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 17 APRIL 2014 (KHAMIS)



Usahawan 'hijau'

“Kami meramalkan produk mesra alam bakal menjadi satu inovasi yang mempunyai permintaan tinggi. Inilah masa dan peluang pelajar untuk memanfaatkan idea mahupun kreativiti masing-masing”

Muhammad Aziph Mustapha,
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIM

Pelajar menunjukkan sijil Bengkel YIM Ideation yang diterima.

» Bengkel YIM Ideation cun kil kreativiti pelajar

Oleh Azzman Jamal
upen@bh.com.my

► Shah Alam

Empat pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 27 dan SMK TTDI Shah Alam, di sini, bakal dilatih untuk menjadi usahawan 'hijau' menerusi program Bengkel YIM Ideation. Program anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan kerjasama UMW Corporation Sdn Bhd itu menyediakan peluang kepada pelajar terbabit menggunakan idea dan kreativiti masing-masing bagi menghasilkan produk mesra alam.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Mustapha, berkata program memabitkan tiga fasa itu bermula awal tahun ini hingga tahun 2015 bertujuan memupuk semangat inovasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan pada masa sama menjadi usahawan berjaya pada masa akan datang.

“Seramai 20 pelajar dipilih menyertai program Bengkel YIM Ideation bagi menghasilkan 10 inovasi mesra alam yang dinilai oleh juri YIM.

Cetusan idea

“Program fasa pertama bermula dengan peringkat cetusan idea dan setiap kumpulan dianggotai dua pelajar perlu menghasilkan satu inovasi. Dua inovasi terpilih kemudian akan dibawa ke fasa kedua, iaitu perkembangan prototaip dan seterusnya ke fasa terak-

hir, perancangan perniagaan.

“Fasa perkembangan prototaip akan diadakan pada akhir tahun ini bagi membolehkan pelajar berbincang bersama pakar daripada beberapa industri untuk menambah baik idea asal mereka,” katanya pada majlis penyampaian sijil kepada peserta Bengkel YIM Ideation, di SMK Seksyen 27, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Pengurus Kanan Bahagian Risiko Kumpulan UMW Corporation Sdn Bhd, Norchahya Ahmad.

Muhammad Aziph berkata, kira-kira 80 pakar dari institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan industri turut memberi kerjasama

sepanjang penganjuran Bengkel YIM Ideation.

“YIM prihatin terhadap masa depan generasi muda, justeru kami berusaha memupuk semangat keusahawan dalam diri mereka dengan mencipta inovasi atau produk yang memberi manfaat kepada masyarakat suatu masa kelak.

Manfaat kepada masyarakat

“Kami meramalkan produk mesra alam bakal menjadi satu inovasi yang mempunyai permintaan tinggi. Inilah masa dan peluang pelajar sekolah untuk memanfaatkan idea dan kreativiti masing-masing bagi mencipta

sesuatu yang memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat,” katanya.

Muhammad Aziph berkata, pemilihan kedua-dua sekolah berkenaan dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan beliau kagum dengan kemahiran yang ditunjukkan oleh peserta Bengkel YIM Ideation itu.

“Mereka hanya berusia 14 tahun, tetapi boleh mengeluarkan idea kreatif.

“Saya percaya dengan bimbingan yang betul, pelajar sekolah itu mampu mencipta sesuatu yang menakjubkan dan tidak mustahil pelajar ini menjadi aset kepada negara,” katanya.



Muhammad Aziph dan Norchahya (depan kanan) bersama peserta Bengkel YIM Ideation selepas majlis penyampaian sijil Bengkel YIM Ideation di SMK Seksyen 27, Shah Alam.

